

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
CAWANGAN KUALA KANGSAR

DISEDIAKAN OLEH

SHAKIRAH BINTI ABU BAKAR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI INI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT

2007

1100063833

LI 31 FPE 2 2007



1100063833

Laporan akhir latihan industri di Pertumbuhan Keselamatan Sosial Cawangan Kuala Kangsar / Syakirah Abu Bakar.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

11000638E3

Lihat sebelah



**LAPORAN AKHIR LATIHAN
INDUSTRI DI PERTUBUHAN
KESELAMATAN SOSIAL CAWANGAN
KUALA KANGSAR**

DISEDIAKAN OLEH:

**SHAKIRAH BINTI ABU BAKAR
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi
Universiti Malaysia Terengganu
Umt**

2007

1100063833

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN LATIHAN INDUSTRI

Dengan ini saya Shakirah binti Abu Bakar mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4992 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), UMT tidak terikat dengan isi kandungan tersebut.

Tandatangan:



Nama : Shakirah binti Abu Bakar

Tarikh :

Disahkan Oleh :

Penyelia UMT

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Universiti Malaysia Terengganu

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Alhamdulillah, setulus pujian dipanjatkan dan selautan kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah Rabbul I'zzati. Selawat serta salam dipersembahkan buat Nabi Muhammad s.a.w, kerana di atas keizinanNya, dapatlah saya menamatkan Latihan Industri di Pertubuhan Keselamatan Sosial, cawangan Kuala Kangsar, Perak, serta dapat menyiapkan laporan latihan industri ini dalam masa yang dirancang.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kuala Kangsar kerana sudi memberi ruang kepada saya untuk menjalani latihan selama dua belas minggu, bermula 16 April sehingga 6 Julai 2007. Sepanjang penglibatan saya di PERKESO, saya telah diberi kerjasama yang amat memberansangkan daripada semua pihak. Terutama kepada Encik Zulkifli Mohamad, selaku pengurus merangkap penyelia industri. Pegawai-pegawai kerani, serta semua staf yang terlibat.

Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu di atas peluang yang diberikan kepada pelajar untuk menjalani latihan industri sebagai persiapan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar kelak. Kepada penyelia latihan industri, Puan Nik Hazimah Nik Mat, yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan komentar yang membina. Penyelaras program, Cik Zuha Rosufila Abu Hasan, di atas usaha beliau menjayakan program ini. Urusetia latihan industri, yang turut membantu melancarkan lagi usaha ini.

Tidak dilupakan buat ibu bapa serta keluarga yang telah banyak memberi sokongan moral dan material, semoga pengorbanan yang dihulurkan dinilai sebagai satu ibadah disisi Allah s.w.t. Juga kepada seluruh sahabat-sahabat seperjuangan serta sesiapa sahaja yang memberi bantuan secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan laporan ini.

Segala jasa dan pengorbanan yang anda sumbangkan tidak dapat saya balas kerana terlalu tinggi nilainya sehingga tidak dapat dinilai dengan wang ringgit, hanya Allah s.w.t yang dapat membalasnya. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

HALAMAN JUDUL.....	i
SURAT PENGESAHAN.....	ii
PENGHARGAAN.....	iii
ISI KANDUNGAN.....	v
SENARAI JADUAL.....	vii
SENARAI GAMBARAJAH.....	viii
RINGKASAN EKSEKUTIF.....	ix

BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1 Pengenalan.....	1
1.1.1 Sejarah Ringkas PERKESO.....	2
1.1.2 Misi PERKESO.....	2
1.1.3 Matlamat Korporat.....	3
1.1.4 Objektif Korporat.....	3
1.2 Maklumat Organisasi.....	7
1.3 Carta Organisasi.....	8
1.3.1 Ringkasan Bidang Tugas dan Tanggungjawab PERKESO.....	9
1.4 Aktiviti Syarikat.....	19
1.5 Kemahiran yang Dipelajari.....	21

BAB 2: MENGESAN SISTEM SEDIA ADA, MENGENALPASTI MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 Pengenalan.....	25
2.2 Sistem Pembayaran Cek.....	26
2.2.1 Penerangan Sistem.....	27
2.2.2 Pengenalpastian Masalah dan Implikasi.....	28

2.2.3 Cadangan Penyelesaian dan Implikasi.....	31
2.2.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi.....	36
2.3 Sistem Permohonan Tuntutan Faedah.....	38
2.3.1 Penerangan Sistem.....	39
2.3.2 Pengenalpastian Masalah dan Implikasi	41
2.3.3 Cadangan Penyelesaian dan Implikasi	43
2.3.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	47
2.4 Sistem Penyimpanan Fail.....	49
2.4.1 Penerangan Sistem.....	50
2.4.2 Pengenalpastian Masalah dan Implikasi	52
2.4.3 Cadangan Penyelesaian dan Implikasi.....	54
2.4.4 Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	59
2.5 Analisis dan Perbincangan Keseluruhan Penemuan.....	62
2.5.1 Rumusan.....	62

BAB 3: PENUTUP

3.1 Pengenalan.....	63
3.2 Kesimpulan.....	64
3.3 Implikasi.....	66
3.4 Cadangan Kepada Latihan Industri.....	69
Rujukan.....	72
Lampiran.....	73

SENARAI JADUAL**MUKA SURAT**

Jadual 1.1	Senarai Borang (FHUS).....	12
Jadual 1.2	Senarai Borang (FHUK).....	13
Jadual 1.3	Senarai Borang (Pencen Ilat).....	14
Jadual 1.4	Senarai Borang (Pencen Penakat).....	15
Jadual 1.5	Senarai Borang (FOT).....	16

SENARAI GAMBARAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 1.1	Carta Organisasi PERKESO Kuala Kangsar.....	8
Rajah 2.2	Sistem Pembayaran Cek.....	26
Rajah 2.3	Sistem Permohonan Tuntutan Faedah.....	38
Rajah 2.4	Sistem Penyimpanan Fail.....	49

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menetapkan bahawa syarat untuk melayakkan seseorang pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) bergraduat adalah wajib bagi mereka untuk menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu di mana-mana organisasi kerajaan mahupun swasta. Latihan Industri ini merupakan kursus teras penting yang wajib dalam Program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dan program lain di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Amnya, Latihan Industri ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada pelajar untuk menempuh alam pekerjaan sebenar kelak. Selain itu, pelajar juga dapat mempraktikkan segala teori yang telah dipelajari di dalam kuliah dan dapat menguji sejauhmana kualiti ilmu pengetahuan yang dimiliki. Di samping itu, pelajar juga dapat menimba sebanyak mungkin kemahiran dan pengalaman baru yang dapat dijadikan sebagai bekalan memasuki medan pekerjaan akan datang dan di dalam kehidupan sehari-hari. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Cawangan Kuala Kangsar telah menjadi tempat pelajar menjalani Latihan Industri selama dua belas minggu bermula 16 April sehingga 6 Julai 2007. Organisasi ini dianggotai oleh sembilan belas ahli termasuk pegawai eksekutif kontrak dan kerani sambilan. PERKESO merupakan sebuah badan berkanun yang berperanan untuk melaksana, mentadbir, dan menguatkucasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. PERKESO mentadbir dua jenis skim iaitu, Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen llat. Skim ini memberi perlindungan kepada pekerja terhadap kejadian luar jangka seperti bencana pekerjaan termasuk kemalangan semasa perjalanan, keilatan dan kematian. PERKESO mewajibkan pekerja dan majikan mencarum demi memberi perlindungan dan kesejahteraan kepada pekerja dan tanggungan mereka serta menguruskan skim keselamatan sosial yang komprehensif untuk melindungi pekerja yang mencarum bagi kemalangan-kemalangan yang diluar jangkaan. Ianya bertujuan untuk menjamin pembayaran faedah kepada semua pekerja dan keluarganya. PERKESO juga menyediakan perkhidmatan yang cepat, berkualiti serta cekap pada kos yang ekonomik dengan menggunakan teknologi serta pengurusan sumber manusia. Sepanjang menjalani Latihan Industri pelajar didedahkan dengan pelbagai proses kerja yang terlibat di PERKESO. Pelajar juga telah ditempatkan di bahagian Faedah kerana terlalu banyak tugas yang memerlukan bantuan pelajar praktikum. Dibahagian ini, pelajar diajar bagaimana menguruskan tugas berkaitan tuntutan faedah, pembayaran cek, berkomunikasi dengan Orang Berinsurans dan majikan dan sebagainya. Pelajar juga dikehendaki mengesan sistem sedia ada serta masalah yang dihadapi. Berdasarkan apa yang telah dipelajari, pelajar dikehendaki mencadangkan kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut. Diharapkan organisasi dapat memberi ruang masa untuk menilai segala cadangan yang diusulkan melalui laporan ini untuk kepentingan organisasi memantapkan lagi pengurusan kerja sedia ada.